

Solat (Sembahyang)

(Sambungan Qalam bilangan 203)

Sebagai menunaikan janji kita dalam bilangan yang lalu, maka di bawah ini kita bawakan beberapa hadith

Nabi yang menerangkan hukum bunuh atau tidak atas orang-orang yang meninggalkan sembahyang.

Oleh kerana nas-nas hadith dalam bahasa Arabnya terlalu panjang, maka memadailah kita salinkan

maksud-maksud hadith itu sahaja dengan tidak mencatat nas-nas dalam bahasa Arabnya – Pengarang.

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Hadith yang Kesembilan Belas:

Maksudnya: Dari Ibn ‘Umar (*raḍīya Allāhu ‘anhu*), bahawasanya Nabi (S.A.W) pernah bersabda: “Aku diperintahkan bahawa supaya memerangi manusia, sehingga mereka menyaksikan (mengakui), bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya Muḥammad itu Rasulullah, dan mereka mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat. Maka apabila mereka telah mengerjakan yang demikian nescaya mereka telah memelihara daripadaku akan darah-darah mereka dan harta benda mereka; melainkan dengan hak Islam dan perhitungannya kepada Allah. (Hadith *ṣaḥīḥ* diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim).

Hadith yang Kedua Puluh:

Maksudnya: Dari Anas bin Mālik (*raḍīya Allāhu ‘anhu*) ia berkata: “Tatkala Rasulullah (S.A.W) telah wafat, murtadlah sebahagian bangsa Arab. Maka berkatalah ‘Umar – kepada Abū Bakr: “Wahai Abū Bakr! Betapakah engkau hendak memerangi bangsa Arab yang murtad?” – Maka berkatalah Abū Bakr: “Sesungguhnya Rasulullah (S.A.W) bersabda: “Aku diperintahkan bahawa supaya aku memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya aku ini Rasulullah, dan mereka

mendirikan sembahyang dan mereka mengeluarkan zakat.” (Hadith *ṣaḥīḥ* diriwayatkan oleh al-Nasā’ī)

Hadith yang Kedua Puluh Satu:

Maksudnya: Dari Abū Hurayrah (*raḍīya Allāhu ‘anhu*) ia berkata: Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: “Aku diperintahkan supaya aku memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan: Tidak ada Tuhan melainkan Allah; maka barang siapa yang telah mengucapkan: Tidak ada Tuhan melainkan Allah, maka sesungguhnya ia telah memelihara dirinya dan harta bendanya, melainkan dengan haknya dan perhitungannya kepada Allah.” (Hadith *ṣaḥīḥ* diriwayatkan oleh Aḥmad, al-Bukhārī, Muslim, Abū Dawud, al-Tirmidhī, al-Nasā’ī, Ibn Mājah dan lain-lainnya. Bahkan menurut sepanjang penyelidikan para ulama hadith, adalah *mutawāṭīr*).

Hadith yang Kedua Puluh Dua:

Maksudnya: Dari Abū Sa’īd al-Khudrī (*raḍīya Allāhu ‘anhu*) ia berkata: “‘Alī (*raḍīya Allāhu ‘anhu*) pernah mengirim emas kepada Nabi (S.A.W) padahal ia berada di Yaman, maka Nabi membahagikannya antara empat orang. Maka berkatanya seorang lelaki – yang hadir di kala itu – kepada Nabi (S.A.W): Ya Rasulullah! Takutlah engkau kepada Allah”.

Baginda bersabda: “Celakalah engkau! Bukankah aku ini orang yang paling takut kepada Allah daripada segenap penduduk di bumi?” Lalu berkata Khālid bin al-Walīd: “Ya Rasulullah! Apakah tidak lebih baik saya penggal batang leher orang itu?” Maka Nabi pun bersabda: “Jangan, kerana barangkali ia seorang yang mengerjakan sembahyang.” Lalu Khālid berkata: “Berapa banyak orang yang mengerjakan sembahyang, ia berkata dengan lisannya akan apa yang tidak ada di dalam hatinya.” Maka Nabi (S.A.W) lantas bersabda: “Sesungguhnya aku tidak diperintahkan bahawa supaya aku meneliti hati-hati manusia dan tidak pula aku diperintahkan supaya membelah perut-perut mereka”.

(Hadith *ṣaḥīḥ* diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim).

Hadith yang Kedua Puluh Tiga:

Maksudnya: Dari ‘Ubaydah bin ‘Adī bin al-Khayyār, bahawasanya ada seorang lelaki dari Anṣār bercerita kepadanya, bahawasanya ia pernah datang mengadap Rasulullah (S.A.W) padahal beliau sedang duduk di suatu majlis, ia berbicara dengan berbisik-bisik meminta izin dari baginda akan membunuh seorang dari golongan *munāfiqīn*, maka menjawablah baginda dengan suara yang

nyaring: “Tidakkah ia menyaksikan, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah?” Kata orang Anṣār tadi: “Bahkan ya Rasulullah! Ia tidak pernah baginya bersyahadah”. Sabda baginda: “Tidakkah ia menyaksikan, bahawa Muḥammad itu Rasulullah?” Kata orang itu: “Bahkan, ia tidak ada syahadah (persaksian) kepada Rasulullah.” Sabda baginda lagi: “Tidakkah ia mengerjakan sembahyang?” Kata orang itu: “Bahkan, ia tidak ada sembahyang baginya.” Baginda pun bersabda: “Mereka itu orang-orang yang Allah telah melarang kepadaku daripada membunuh mereka”.

(Hadith ini diriwayatkan oleh Mālik, al-Shāfi‘ī dan Aḥmad. Menurut kata al-Haythāmī: *Rijāl*nya yang diriwayatkan oleh Aḥmad *rijāl saḥīh*).

Hadith yang Kedua Puluh Empat:

Maksudnya: Dari Nu‘mān bin Bashīr (*raḍīya Allāhu ‘anhu*) berkata: “Kami (para sahabat) bersama dengan Nabi (S.A.W) maka datanglah seorang lelaki berbicara kepada baginda dengan berbisik-bisik, lalu baginda bersabda: “Hendaklah kamu membunuh dia!” Kemudian baginda bersabda pula: “Apakah ia menyaksikan, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah?”. Orang lelaki tadi berkata: “Ya, tetapi syahadahnya itu sebagai untuk melindungi dirinya sahaja”. Maka Rasulullah bersabda “Janganlah kamu membunuh dia. Kerana sesungguhnya aku ini diperintahkan tidak lain melainkan, supaya aku memerangi manusia, sehingga mengucapkan: “Tidak ada Tuhan melainkan Allah”. Maka apabila mereka telah mengucapkan, maka mereka telah memelihara akan darah-darah mereka dan harta benda mereka dari aku, melainkan dengan haknya dan perhitungan

Maklumat Qalam

Mengikut peredaran dan perkembangan masa, *in shā-Allāh*, mulai dari 1 haribulan Julai 1967 pejabat Qalam dan percetakkannya yang berada di Singapura akan berpindah ke Kuala Lumpur, di pejabat baharu:

13, 15 & 15A, Jalan Anggor,

Batu 4, Jalan Klang,

Kuala Lumpur.

Pejabat Qalam di Singapura, sebagai cawangan dan pembahagian buat sementara di alamat:

54, Lorong G, Telok Kurau

Singapura 15,

Tel: 40384

Oleh yang demikian segala surat-menyurat dan hubungan mulai awal Julai hendaklah dialamatkan kepada ibu pejabat di Kuala Lumpur dan berkenaan dengan Singapura boleh dialamatkan kepada cawangan yang tersebut.

mereka itu kepada Allah.”! (Hadith ini diriwayatkan oleh al-Nasā’ī dengan *asnād* yang baik).

Kandungan Hadith-hadith Tersebut:

Hadith nombor 19: Mengandungi keterangan, bahawa orang yang wajib diperangi itu ialah orang-orang yang berani meninggalkan *shahādatayn* (*shahādah tawḥīd* dan *shahādah rasūl*), meninggalkan sembahyang dan tidak mahu mengeluarkan zakat, sehingga ia kembali mengucapkan *shahādatayn*, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Tegasnya tidak cukup kembali dengan mengucapkan *shahādatayn* sahaja.

Hadith nombor 20: Mengandungi keterangan, bahawa orang-orang yang berani meninggalkan salah satu dari tiang-tiang agama yang terpenting itu wajib diperangi. Misalnya tidak mahu mendirikan sembahyang atau ingkar mengeluarkan zakat.

Hadith nombor 21: Mengandungi keterangan, bahawa orang-orang yang wajib diperangi itu ialah orang-orang yang telah berani meninggalkan sahabatnya dengan tidak mempercayai akan ketuhanan Allah.

Hadith nombor 22: Antara lain mengandungi keterangan, bahawa kewajipan seseorang pemimpin terutama hakim itu, menghukumi orang lain berdasarkan keadaan yang ada pada lahirnya, bukan berdasarkan keadaan yang ada pada batin.

Hadith nombor 23: Antara lain mengandungi keterangan, bahawa orang-orang munafik yang tidak pernah mengucapkan syahadah dan tidak pula pernah mendirikan sembahyang, mereka tidak boleh dibunuh.

Hadith nombor 24: Antara lain mengandungi keterangan, bahawa orang-orang yang telah mengucapkan syahadah sahaja, sekalipun syahadah yang diucapkannya itu semata dengan tujuan untuk mencari perlindungan untuk menyelamatkan diri mereka daripada diperangi, maka mereka itu tidak boleh dijatuhi hukuman bunuh.

In shā-Allāh dalam bilangan akan datang akan kita bentangkan pula tentang pendapat para ulama ahli fekah mengenai dengan mauduk hadith-hadith yang tersebut.

Kata-kata Hikmah

Apa-apa pengetahuan yang engkau pelajari pada masa kecil, akan memberi manfaat pada waktu engkau besar.